



The Observer

11.08.2023

❖ Pelaburan atau dagangan?

Salah satu soalan kritikal yang perlu dipertimbangkan apabila kita mengorak langkah dalam perjalanan pelaburan ialah pemilihan strategi untuk diguna pakai yang membolehkan kita meraih keuntungan kewangan paling maksimum – adakah kita melabur atau berdagang?

Sebenarnya, tiada peraturan khusus berkaitan strategi yang boleh diguna pakai. Anda mungkin mendapat keuntungan jika menggunakan salah satu strategi atau gabungan kedua-duanya jika ia bersesuaian dengan matlamat pelaburan, selera risiko, pengalaman dan tempoh masa.

Pelabur perlu memahami apakah yang dimaksudkan dengan strategi pelaburan dan dagangan, mudah-mudahan ia dapat membimbing mereka untuk memilih strategi pelaburan yang sesuai untuk perjalanan pelaburan masing-masing supaya memperoleh ganjaran kewangan yang diidamkan.

Pelaburan dan dagangan adalah dua kaedah yang berbeza untuk meraih keuntungan dalam pasaran kewangan. Namun, pelabur dan pedagang menceburi pasaran dengan tujuan yang sama iaitu mendapatkan keuntungan. Pelabur biasanya berusaha mendapatkan pulangan yang lebih besar dalam tempoh yang panjang melalui pembelian dan pegangan. Sebaliknya, pedagang memanfaatkan turun naik pasaran untuk masuk dan keluar dari posisi dalam jangka masa yang lebih singkat, justeru meraih keuntungan yang lebih kecil dan lebih kerap.

Apakah itu pelaburan?

Objektif utama pelaburan adalah untuk membina kekayaan secara beransur-ansur dalam tempoh yang panjang. Ini dilakukan dengan membeli, menjual dan memegang portfolio yang merangkumi satu kelas aset atau lebih, termasuk saham, dana bersama, bon, dana dagangan bursa (*exchange-traded funds*, ETF) dan instrumen pelaburan lain.

Pelaburan umumnya dibuat dalam jangka yang lebih panjang, biasanya lebih dari setahun. Pelaburan lazimnya dipegang selama beberapa tahun, bahkan beberapa dekad. Pelabur mendapatkan manfaat daripada faedah terkompoun, pengagihan dividen dan saham pecahan. Walaupun kita tidak dapat mengelak turun naik pasaran, pelabur biasanya mengatasi aliran menurun dengan jangkaan harga akan

kembali meningkat dan sebarang kerugian akhirnya akan dipulihkan, jika mereka melabur dalam aset yang berkualiti.

Secara umumnya, pelabur lebih mementingkan perkara asas (*fundamental*) dalam sesebuah perniagaan. Mereka cakna dengan pandangan dunia perniagaan dan industri. Mereka meneliti penyata untung rugi, kunci kira-kira dan penyata aliran tunai. Mereka menganalisis nisbah harga kepada pendapatan (*PE ratio*) dan metrik kewangan lain untuk menentukan penilaian saham.

Pelabur biasanya cenderung memilih satu daripada dua pendekatan pelaburan berikut:

- **Pelaburan aktif:** Pelabur yang mengambil pendekatan pelaburan aktif cenderung memantau pasaran secara tetap dan membuat perubahan sewajarnya. Pelabur aktif biasanya mencari pelaburan yang cuba meniru atau mengatasi prestasi pulangan daripada indeks penanda aras tertentu.
- **Pelaburan pasif:** Pelabur pasif mengamalkan strategi beli dan pegang. Mereka biasanya memperuntukkan usaha yang minimum untuk memantau pasaran secara harian atau secara berkala.

Apakah itu dagangan?

Dagangan melibatkan pembelian dan penjualan saham, komoditi, mata wang atau instrumen lain secara kerap. Matlamat dagangan adalah untuk menjana pulangan yang mengatasi prestasi pelaburan secara beli dan pegang.

Pedagang mengambil kesempatan daripada perubahan harga dengan membeli pada harga yang rendah dan menjual pada harga yang tinggi dalam jangka masa yang agak singkat. Mereka menggunakan alat analisis teknikal seperti purata bergerak dan pengayun stokastik (*stochastic oscillators*) untuk mencari dagangan tersedia yang berkemungkinan tinggi.

Pedagang biasanya memegang pelaburan mereka dalam jangka masa yang singkat; paling singkat dalam tempoh beberapa minit. Pendekatan berjangka pendek ini membezakan pedagang daripada pelabur yang menceburi bidang ini untuk jangka panjang.

Aktiviti berdagang memerlukan komitmen masa dan usaha, sentiasa memantau pasaran, memahami pasaran dan membuat penyelidikan. Kebanyakan pedagang mempunyai pengalaman yang luas serta lebih arif tentang cara pasaran berfungsi.

Pedagang boleh dibahagikan kepada empat kategori di bawah:

- **Pedagang Kedudukan (*Position Trader*):** Julat tempoh posisi dagangan adalah agak panjang iaitu dari bulan hingga tahun.
- **Pedagang Swing (*Swing Trader*):** Julat tempoh posisi dagangan adalah dari hari hingga minggu.
- **Pedagang Harian (*Day Trader*):** Julat tempoh posisi dagangan adalah sepanjang hari sahaja tanpa melangkaui tempoh semalaman.

- **Pedagang Saham Singkat (Scalp Trader):** Julat tempoh posisi dagangan adalah amat singkat iaitu dari beberapa saat hingga minit tanpa melangkaui tempoh semalaman.

Manakah yang lebih menguntungkan, melabur atau berdagang?

Tiada jawapan yang mudah untuk soalan ini, terutamanya kerana ia bergantung kepada selera risiko dan tahap toleransi seseorang.

Kegiatan berdagang sesuai dengan individu yang mempunyai pemahaman yang luas tentang pasaran dan cara ia berfungsi. Umumnya, pedagang juga boleh bertolak ansur dengan risiko, jadi mereka tidak mudah gentar dengan pasaran yang pasang surut. Sebaliknya, orang yang cenderung mengelak risiko dan tidak mahu kehilangan modal mereka adalah lebih sesuai menjadi pelabur.

Adakah berdagang lebih sukar daripada melabur?

Berdagang secara amnya lebih kompleks daripada melabur. Ini adalah kerana berdagang memerlukan pemantauan yang konsisten terhadap pasaran dan pemahaman yang lebih mendalam tentang cara aset dan pasaran berfungsi.

Pedagang lebih cenderung untuk membeli dan menjual dengan kerap. Mereka mungkin memilih instrumen yang lebih mudah seperti saham dan bon atau yang rumit seperti niaga hadapan dan swap. Tidak seperti kebanyakan pelabur, pedagang memerlukan kekuatan mental untuk mengawal emosi. Ini adalah kerana kerugian yang ketara ada masanya amat sukar untuk ditelan.

Jadual di bawah meringkaskan perbezaan utama antara pelaburan dan dagangan.

	Pelaburan	Dagangan
Tempoh pegangan	Jangka sederhana hingga panjang	Jangka pendek
Kekerapan dagangan	Rendah	Tinggi
Kepelbagaian portfolio	Ya	Tidak
Masa yang diperlukan untuk mengurus	Rendah hingga sederhana	Tinggi
Kepentingan analisis <i>fundamental</i>	Tinggi	Rendah
Kepentingan analisis teknikal	Rendah	Tinggi
Penggunaan leveraj	Tidak	Ya
Beli dan pegang	Ya	Tidak

Melabur dan berdagang, kedua-duanya datang dengan risiko dan ganjaran tersendiri. Lagipun, tiada apa yang diberikan jaminan dalam kehidupan ini, termasuklah pasaran. Meskipun darjahnya berbeza, setiap aset mempunyai potensi kerugian, sebagaimana ia menjanjikan keuntungan yang besar.

Secara ringkasnya, berdagang melibatkan '**pemasaan pasaran**', manakala pelaburan pula dikaitkan dengan '**masa dalam pasaran**'.

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 14 hingga 18 Ogos 2023

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
14.08.23 (Isnin) 02.30 petang	Maxis Berhad (EGM)	Maxis berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan pelaksanaan Perjanjian Akses yang dimuktamadkan antara Digital Nasional Berhad (DNB) sebagai Penyedia Akses dan Maxis Broadband Sdn. Bhd. (Maxis Broadband), anak syarikat milik penuh Maxis Berhad, sebagai Pencari Akses (<i>Access Seeker</i>) untuk Maxis Broadband bagi pelanggan produk dan perkhidmatan 5G yang disediakan secara borong oleh DNB, termasuk Produk Rangkaian Borong 5G Nasional.
16.08.23 (Rabu) 11.00 pagi	Eduspec Holdings Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan meningkat sedikit kepada RM8.94 juta (tahun kewangan berakhir 2022: RM8.75 juta) hasil daripada peningkatan dalam pendapatan Program berikutan penyambungan semula sesi persekolahan secara progresif. Bagaimanapun, ia terus berada dalam posisi kerugian apabila melaporkan rugi bersih berjumlah RM1.26 juta (tahun kewangan berakhir 2022: rugi selepas cukai (<i>loss after tax</i>, LAT) RM13.27 juta).</p> <p>Lembaga Pengarah akan melipatgandakan usahanya untuk mengekalkan dan menambah baik prestasi Kumpulan dengan memberikan tumpuan terhadap kekuatannya serta menambah baik kualiti produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada sekolah-sekolah.</p>
18.08.23 (Jumaat) 10.00 pagi	ELK-Desa Resources Berhad (AGM)	ELK-Desa mencatatkan prestasi kewangan terbaiknya pada tahun kewangan 2023 dengan peningkatan 20% dalam pendapatan kepada

		<p>RM155.24 juta berbanding RM128.89 juta pada tahun kewangan lepas.</p> <p>Sementara itu, untung bersihnya meningkat 85% kepada RM47.74 juta berbanding RM25.77 juta setahun lalu.</p> <p>Peningkatan prestasi ini adalah berikutan sumbangan yang lebih tinggi daripada bahagian pembiayaan sewa beli dan perabot Kumpulan.</p>
--	--	---

Perkara penting untuk diketengahkan:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
Eduspec Holdings Berhad (AGM)	<p>Kumpulan terus mengalami kerugian dan melaporkan rugi selepas cukai berjumlah RM1.26 juta (tahun kewangan berakhir 2022: rugi selepas cukai RM13.27 juta) (Halaman 65, Laporan Tahunan 2023). Dato' Sri Gan Chow Tee telah dilantik ke dalam Lembaga Pengarah pada 19 Mei 2023 sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (<i>Chief Executive Officer, CEO</i>)/ Pengarah Eksekutif yang baharu. Beliau juga merupakan pemegang saham utama Syarikat, bersama empat pengarah baharu lain selepas peletakan jawatan bekas CEO dan tiga pengarah lain (Halaman 2, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>Dengan kemunculan pemegang saham besar baharu, CEO baharu dan Lembaga Pengarah yang terdiri daripada majoriti pengarah baharu, ditambah pula dengan pelupusan 65% kepentingan ekuiti dalam 5T3M Sdn Bhd, adakah Kumpulan merangka strategi baharu untuk memulihkan perniagaannya? Bagaimanakah perencanaan untuk membawa Kumpulan kembali menjana keuntungan?</p>
ELK-Desa Resources Berhad (AGM)	<p>Pasukan Petugas Lembaga Pemantauan Kredit Pengguna (<i>Consumer Credit Oversight Board, CCOB</i>) sedang merangka Akta Kredit Pengguna (<i>Consumer Credit Act, CCA</i>) yang disasarkan untuk dibentangkan kepada Parlimen dan akan digubal pada suku keempat tahun 2023.</p> <p>Di bawah CCA, syarikat sewa beli (<i>hire purchase, HP</i>) yang bukan bank akan diletakkan di bawah pengawalseliaan CCOB dengan pemberian kuasa kawal selia yang sepadan daripada Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna kepada CCOB.</p> <p>Setakat ini, Pasukan Petugas telah mengeluarkan kertas perundingan yang terdiri daripada dua bahagian kepada CCA untuk mendapatkan maklum balas daripada pihak berkepentingan dan orang awam mengenai cadangan penggubalan CCA.</p> <p>Kertas Perundingan CCA Bahagian 2 berkisar tentang rombakan kerangka pembiayaan sewa beli sedia ada dengan:</p>

	<ul style="list-style-type: none"> - Tidak membenarkan kadar rata dan Peraturan 78 di bawah Akta Sewa Beli 1967 - Menzahirkan kadar faedah berkesan (<i>effective interest rate</i>, EIR) di peringkat prakontrak dan pada kadar tidak melebihi 17% setahun. - Membolehkan penggunaan teknologi baharu dengan menerima tandatangan digital dan tandatangan elektronik <p>a) Apakah kesan terhadap ELK-Desa sekiranya cadangan ini dimasukkan ke dalam CCA?</p> <p>b) Apakah maklum balas yang diberikan oleh ELK-Desa kepada CCOB berhubung cadangan penggubalan akta itu?</p>
--	---

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)

Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (clint.loh@mswg.org.my)

Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, (nuramirah@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.